

14/03/2003

Modul Program Khidmat Negara diketahui Mei

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Keputusan muktamad mengenai modul Program Khidmat Negara yang diwajibkan kepada kira-kira 450,000 remaja lepasan sekolah setiap tahun di negara ini, akan diumumkan Mei ini, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai program itu, berkata keputusan dibuat selepas jawatankuasa itu membentangkan laporan terakhir pada kabinet sebaik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pulang bercuti dari luar negara.

"Pada Mei ini juga, kabinet akan memutuskan peruntukan, tempoh latihan, pembabitan rakyat Malaysia yang menuntut di luar negara, serta lain-lain aspek penting yang diperlukan untuk merealisasikan program itu.

"Bagaimanapun, keputusan sudah dicapai untuk tetap melaksanakan Program Khidmat Negara pada 2004," katanya pada sidang akhbar di Wisma Pertahanan di sini, semalam.

Cadangan Program Khidmat Negara dikemukakan November lalu, bertujuan membentuk masyarakat remaja lepasan sekolah yang lebih bersemangat patriotik melalui pelbagai program pembangunan remaja.

Model Program Khidmat Negara yang dicadangkan untuk rakyat Malaysia tidak mengikut model Singapura atau Korea Selatan kerana ia tidak bertujuan menyediakan rakyat untuk berperang, tetapi membentuk disiplin serta menangani gejala sosial yang membelenggu generasi muda negara.

Sebanyak 54 institusi pengajian tinggi (IPT), maktab perguruan dan sekolah berasrama dipilih pusat latihan untuk program itu.

Najib berkata, rang undang-undang baru berkaitan program itu akan dibentangkan pada sidang Parlimen, Jun depan.

"Orang awam, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan dan parti politik masih boleh mengemukakan pandangan mereka mengenai program itu sehingga akhir April ini," katanya

Mesyuarat kali ini dihadiri, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan

Sri Abdul Hamid Othman; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein; Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok;

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal dan Timbalan Menteri

Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung.